KES DENGGI DI JOHOR SEMAKIN MENINGKAT

Oleh SITI NORNAJIHAH BINTI KARPONAN

AHAD 6 DECEMBER 2020,4.00 PETANG

JOHOR BAHRU:Kes Denggi di Johor Bahru semakin meningkat sebanyak 9094 kes bagi tempoh 6 December 2020 berbanding 8707 kes pada 1 Januari hingga 12 September yang lalu.

Ketika kita sedang sibuk memberi tumpuan terhadap penyebaran Covid-19 yang semakin meningkat ini ,penyakit bawaan nyamuk Aedes betina daripada spesis *albopictus* dan *aegypti* yang dijangkiti virus denggi juga seiring meningkat dengan penyebaran Covid-19 sekarang.

Demam denggi boleh berlaku pada tahap ringan hingga teruk. Dalam keadaan teruk (severe dengue), ia berisiko menyebabkan kematian.

Oleh itu, semua individu perlu mengetahui sama ada menghidap demam denggi atau tidak dan perhatian lebih serius terutama tinggal di kawasan rawan denggi.

Pegawai perubatan siswazah,Doktor Joyanne berkata, “Denggi seperti kita sedia maklum juga sangat berbahaya kerana berdasarkan rekod sebelum ini, ia turut meragut nyawa, tidak ada ubat dan langkah terbaik hanyalah melalui pencegahan dengan menjaga kebersihan persekitaran”.

"Sehubungan itu, orang ramai diminta meningkatkan tahap kebersihan di kawasan masing-masing, terutama tempat takungan air dan yang berpotensi untuk pembiakan nyamuk.

"Usaha membanteras nyamuk aedes dan demam denggi adalah tanggungjawab semua, seperti mana juga masyarakat berganding bahu memutuskan penularan jangkitan COVID-19,"ujar Dr.Joyanne lagi ketika sesi temuduga bersama beliau.

Terdapat empat pesakit yang disahkan menghidap demam denggi pada masa yang sama iaitu pada tarikh 1 November 2020 dan kawasan kediaman mereka juga pada lorong kediaman yang sama iaitu di Taman Universiti,Skudai .Didapati juga bahawa kawasan tersebut aktif akan pembawakan nyamuk Aedes.

Bagaimanapun, katanya, pergerakan orang ramai secara meluas ketika cuti sekolah boleh menyebabkan jangkitan demam denggi cepat merebak jika nyamuk Aedes dikesan di persekitaran mereka.

Petugas Unit Vektor Jabatan Kesihatan Johor Bahru membuat langkah kesihatan dengan melakukan semburan ‘fogging’ dalam usaha membasmi pembawakan nyamuk Aedes di sekitar perumahan Taman Universiti,Skudai.Penyemburan ‘fogging’ dijalankan seminggu dua kali.